

KONSEP WASATIYYAT MENURUT ISYĀRĀT AL-I'JĀZ KARYA BADIUZZAMAN SAID NURSI

THE CONCEPT OF WASATIYYAT IN ISYĀRĀT AL-I'JĀZ BY BADIUZZAMAN SAID NURSI

Muhamad Ikhwan Aiman Iwan Kerisnawan¹

Noornajihan Jaafar²

Norullisza Khosim³

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: 3241713@raudah.usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: noornajihan@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: norulliszakhosim@usim.edu.my)

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Iwan Kerisnawan, M. I. A., Jaafar, N., & Khosim, N.
(2025). Konsep wasatiyyat menurut Isyārāt al-I'jāz
karya Badiuzzaman Said Nursi. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79),
699 – 715.

Abstrak: Islam menganjurkan prinsip kesederhanaan (*Wasatiyyat*) sebagai satu gaya hidup menyeluruh yang merangkumi setiap aspek kehidupan seorang Muslim. Konsep ini menuntut umat Islam untuk mengekalkan keseimbangan dalam pemikiran dan amalan, serta mengelakkan daripada kecenderungan ekstremisme dalam sebarang bentuk, sama ada dalam dimensi pemahaman mahupun pengamalan agama. Namun demikian, dalam realiti kehidupan kontemporari, umat Islam masih dilihat belum berjaya menghayati dan merealisasikan konsep *Wasatiyyat* secara menyeluruh. Dalam konteks ini, karya Badiuzzaman Said Nursi berjudul *Isyārāt al-I'jāz* menawarkan satu kerangka tafsiran yang signifikan dalam memahami konsep *Wasatiyyat* berdasarkan kepada tafsir al-Qur'an dan bersesuaian dengan pendekatan semasa. Kajian ini bertujuan meneliti pentafsiran ayat ke-6 daripada Surah al-Fātiḥah sebagaimana dihuraikan oleh Nursi, serta menilai bagaimana tafsir tersebut memperjelaskan konsep *Wasatiyyat* dalam kerangka pemikiran Islam yang bersifat moderat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan, serta analisis teks terhadap kandungan tafsir dalam *Isyārāt al-I'jāz*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghuraian Nursi terhadap konsep *Wasatiyyat* merupakan suatu usaha pemurnian terhadap kecenderungan ekstrem dan ketidakadilan dalam kehidupan beragama. Dapatan kajian ini mendapati bahawa pentafsiran “jalan yang lurus” (*ṣirāt al-mustaqīm*) dalam Risalah al-Nur merupakan manifestasi langsung kepada konsep *Wasatiyyat*, yang dirumuskan melalui tiga prinsip utama: kebijaksanaan (*ḥikmat*), kesucian akhlak (*‘iffat*), dan keberanian (*syajā‘at*). Nursi menegaskan bahawa ketiga-tiga nilai ini memainkan peranan penting sebagai prinsip keseimbangan dalam mengawal tiga kekuatan utama dalam diri manusia, iaitu kekuatan syahwat (*quwwat shahwiyyat*), kekuatan emosi (*quwwat ghadabiyyat*), dan kekuatan akal (*quwwat ‘aqliyyat*), dengan tujuan untuk mencapai kesederhanaan yang hakiki menurut perspektif Islam. Berdasarkan kepada keseluruhan nilai dan prinsip yang dihuraikan, jelas

bahawa tafsiran Nursi memberikan pemahaman yang mendalam dan aplikatif terhadap konsep Wasatiyyat, serta amat relevan untuk diamalkan dalam kehidupan seorang Muslim yang berusaha menjadi insan yang adil dan seimbang.

Kata Kunci: *Badiuzzaman Said Nursi, Isyārāt al-I'jāz, Keadilan, Tafsir al-Qur'an, Wasatiyyat*

Abstract: *Islam advocates the principle of moderation (Wasatiyyat) as a comprehensive way of life encompassing every aspect of a Muslim's life. This concept requires Muslims to maintain balance in thought and practice, while avoiding tendencies toward extremism in any form, whether in understanding or religious practice. However, in contemporary reality, Muslims are still seen as having failed to fully embrace and realize the concept of Wasatiyyat in its entirety. In this context, the work of Badiuzzaman Said Nursi titled Isyārāt al-I'jāz offers a significant interpretive framework for understanding the concept of Wasatiyyat based on Quranic exegesis and aligned with contemporary approaches. This study aims to examine the interpretation of the sixth verse of Surah al-Fātiha as explained by Nursi, and to evaluate how this interpretation clarifies the concept of Wasatiyyat within the framework of moderate Islamic thought. The study employs a qualitative approach through library research methods and textual analysis of the exegetical content in Isyārāt al-I'jāz. The findings show that Nursi's elaboration of the Wasatiyyat concept constitutes an effort to purify extremist tendencies and injustices in religious life. The results of this study find that the interpretation of "the straight path" (ṣirāt al-mustaqīm) in Risalah al-Nur is a direct manifestation of the Wasatiyyat concept, formulated through three main principles: wisdom (ḥikmat), moral purity ('iffat), and courage (syajā'at). Nursi emphasizes that these three values play a crucial role as balancing principles in controlling three main human forces: the appetitive force (quwwat shahwiyyat), the emotional force (quwwat ghadabiyyat), and the rational force (quwwat 'aqliyyat), with the aim of achieving true moderation from an Islamic perspective. Based on all the values and principles explained, it is clear that Nursi's interpretation provides a profound and applicable understanding of the Wasatiyyat concept, and is highly relevant to be practiced in the life of a Muslim striving to become a just and balanced individual.*

Keywords: *Badiuzzaman Said Nursi, Isyārāt al-I'jāz, justice, tafsir al-Qur'an, Wasatiyyat*

Pengenalan

Pertimbangan yang adil merupakan sikap yang digalakkan ke atas setiap individu. Bukan sahaja pada pertimbangan dalam membuat keputusan, bahkan juga pada aspek-aspek yang lain dalam kehidupan. Antara konsep adil yang paling diketengahkan dalam perbahasan ilmu Islam ialah konsep Wasatiyyat yang bermakna pertengahan dan kesederhanaan (Ibn Faris, 1969; Ibn Athir, 1979). Agama Islam sangat menuntut untuk mengamalkan Wasatiyyat agar seseorang itu tidak terjerumus ke dalam lembah ketaksuban dan kelalaian. Demikian kerana ketaksuban berpunca daripada berlebih-lebihan yang melampau dalam pemahaman (*ifrāt*) manakala kelalaian pula akibat terlampau berkekurangan dalam sesuatu perkara (*tafrīt*) (Chaerunnisa et al., 2024). Oleh itu, dengan hadirnya *Wasatiyyat* dalam diri seseorang, kedua-dua sikap ini dapat dielakkan dengan cara sentiasa mencari jalan pertengahan di antara dua sikap itu.

Namun begitu, dalam realiti kehidupan masa kini, komuniti Muslim masih lemah dan gagal dalam menghayati definisi dan prinsip Wasatiyyat (Leniawati & Haq, 2024; Siregar et al., 2024). Kegagalan dalam memahami makna sebenar Wasatiyyat menyebabkan ada sebahagian pihak yang cenderung kepada pendekatan agama atau sekular yang melampau, sehingga

membawa kepada polarisasi, perpecahan dan salah faham. Tambahan pula, terdapat golongan ekstremis dalam kalangan umat Islam cenderung memanipulasi agama dengan melakukan penafsiran yang berat, bahkan juga akibat kecairan nilai dan ideologi dalam era pasca-modern turut mempercepatkan penyebaran pandangan negatif serta menimbulkan kekeliruan terhadap ajaran Islam (Nur Athirah, 2023).

Badiuzzaman Said Nursi, yang merupakan seorang ilmuwan Islam pada abad ke-20 menyumbang kepada penerangan yang jelas tentang *Wasatiyyat*. Perbahasan beliau sangat sesuai dengan kontemporari semasa yang mudah difahami oleh pembaca, disamping selari dengan landasan al-Quran dan al-Sunnah (Nabil amir & Rahman, 2023). Khazanah ilmu ini diperbahaskan daripada salah satu karya tafsir al-Quran Nursi yang berjudul *Isyārāt al-I'jāz*. Justeru itu, kajian ini akan mengupas tentang definisi *Wasatiyyat* menurut *Isyārāt al-I'jāz* dan bagaimana tafsiran Nursi dapat mengaplikasikan *Wasatiyyat* dalam beberapa aspek kehidupan. Perbahasan *Isyārāt al-I'jāz* dijadikan fokus utama kajian ini kerana kurangnya perhatian terhadap karya ini terutamanya dalam membahaskan tema *Wasatiyyat*. Kaedah kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dengan menggunakan kaedah analisis teks kandungan untuk mengekstrak prinsip *Wasatiyyat* daripada kitab tafsir *Isyārāt al-I'jāz* dan sumber yang lain-lain.

Kajian Literatur

Biografi Ringkas Badiuzzaman Said Nursi

Nursi (1876-1960) merupakan salah seorang tokoh pemikir dan reformis Islam yang berpengaruh pada abad ke-20. Beliau merupakan pejuang agama Islam (Khosim & Hanapi, 2021). ketika pemerintahan sekular yang dipimpin oleh Mustapha Kemal Atatürk sedang mengancam keimanan rakyat Turki. Kejatuhan pemerintahan Uthmaniyyah merupakan titik mula pemahaman Barat menyebar dalam kalangan Muslim, seterusnya mempengaruhi akidah mereka (Akhmetova et al., 2019). Sifat kritis dan minat mendalam terhadap ilmu pengetahuan menjadikannya seorang pelajar yang unik, seringkali melebihi kemampuan rakan sebayanya. Pada usia muda, beliau telah menguasai pelbagai disiplin ilmu Islam seperti tafsir, hadis, kalam dan falsafah. Namun, Nursi tidak hanya terbatas kepada ilmu-ilmu agama semata-mata. Beliau turut mendalami ilmu sains moden termasuk matematik, fizik, astronomi dan geografi dengan kemudahan yang telah tersedia baginya (Amir Yusdi et al., 2020).

Karya teragung Nursi ialah sebuah tafsir al-Qur'an yang berjudul *Risalah al-Nur* yang merupakan himpunan 130 risalah yang dimuatkan dalam beberapa karya utama dan *Isyārāt al-I'jāz* merupakan antara salah satunya (Akhmetova et al., 2019). Sebagai seorang reformis Islam, Nursi menekankan pentingnya integrasi antara ilmu agama dan sains moden. Beliau berpendapat bahawa konflik antara agama dan sains adalah sesuatu yang diada-adakan, dan sebenarnya kedua-duanya saling melengkapi dalam mencari kebenaran (Amir Yusdi et al., 2020). Pendekatan *Wasatiyyat* yang dibawanya menjadi ciri khas pemikiran beliau dalam menjawab pelbagai cabaran moden. Justeru, kepentingan dan sumbangan Nursi dalam sejarah intelektual Islam moden tidak dapat dinafikan. Walaupun menghadapi tentangan hebat daripada rejim sekular Turki, beliau tetap konsisten dalam perjuangan dakwahnya (Khamami, 2023). Juga, karya-karyanya terus dikaji dan memberi inspirasi kepada gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia.

Perjuangan dakwah beliau tidak terhenti setelah tamat riwayatnya, demikian kerana legasi pemikiran Nursi terletak pada kemampuannya menyatukan tradisi keilmuan Islam dengan tuntutan dunia moden. Metode ini sekaligus menawarkan penyelesaian yang seimbang bagi

umat Islam dalam menghadapi cabaran semasa. Beliau meninggal dunia pada tahun 1960 di Şanlıurfa, akan tetapi pemikiran dan karya-karyanya terus hidup dan berkembang, terutamanya melalui gerakan organisasi Hayrat yang diasaskan oleh pengikut-pengikutnya (Badiuzzaman dan Dakwah Risalah an-Nur, n.d.). Biografi Nursi bukan sekadar catatan hidup seorang individu, tetapi mencerminkan pergolakan dunia Islam dalam menghadapi arus kemodenan dan sekularisasi pada abad ke-20.

Kitab Isyārāt al-I'jāz fi Mazān Ijāz

Isyārāt al-I'jāz fi Mazān Ijāz merupakan sebuah karya tafsir agung yang ditulis oleh Nursi antara tahun 1916 hingga 1918 semasa Perang Dunia Pertama (Ghinaurrahil et al., 2021). Buku ini lahir dalam situasi yang amat mencabar, iaitu ketika beliau berada di medan perang di bahagian Timur. Walaupun dalam suasana genting, Nursi berjaya menggabungkan khutbah-khutbah dan bahan pengajaran beliau dalam bentuk tulisan yang kemudiannya dibukukan sebagai tafsir ini. Kitab ini merupakan satu jilid diantara jilid-jilid *Risalah al-Nur* yang ditulis oleh Nursi (Addakhil & Buana, 2023).

Karya ini membahaskan ayat-ayat al-Qur'an bermula daripada Surah al-Fātiha sehingga ayat ke-33 Surah al-Baqarat. *Isyārāt al-I'jāz* tidak hanya sekadar mentafsir secara literal atau naratif, tetapi mengupas struktur linguistik dan balaghah al-Qur'an demi menyampaikan makna dan tujuan ayat tersebut. Selain itu, penulisan ini menyerlahkan kemukjizatan al-Qur'an dari sudut penyusunan perkataan (*Nazam*) yang digunakan, justeru menunjukkan bahawa pemilihan perkataan dalam al-Qur'an sangat tepat, sempurna dan tidak memerlukan perubahan dan penambah baik. Ini membuktikan bahawa al-Qur'an merupakan wahyu yang benar dan bukan tulisan manusia (Mahmoud Hassan, 2020).

Menurut Nursi, al-Qur'an adalah terjemahan azali terhadap alam semesta dan wahyu yang kekal, serta tidak berubah dan bukan ciplakan dari kitab terdahulu. Al-Qur'an juga merupakan peta suci akhirat, matahari kepada alam maknawi Islam, dan lisan bagi alam ghaib serta nyata (Mahmoud Hassan, 2020). Justeru, tujuan penulisan kitab ini terbahagi kepada dua. Pertama, bahawa tulisan ini ialah seperti kata Nursi, merupakan tafsir terhadap simbol-simbol *Nazam* al-Qur'an kerana kemukjizatan termanifestasi dari *Nazam*-nya (Said Nursi, 2002). Penulisan ini membuktikan antara kemukjizatan al-Qur'an yang cemerlang tidak lain melainkan ukiran *Nazam*-nya. Kedua, kitab ini menunjukkan bahawa tunjang utama al-Qur'an dan prinsip dasarnya ada empat: ketauhidan (*tauḥīd*), kenabian (*nubuwwah*), kebangkitan semula (*ḥasyr*), dan keadilan (*'adālah*) (Said Nursi, 2002). Kesemua prinsip itu dinyatakan merupakan cerminan bagi elemen-elemen yang terdapat pada setiap ayat dalam al-Quran.

Pada era tergugatnya ketauhidan umat Islam, karya beliau ditulis dengan tujuan memperbaiki dan menjaga keimanan masyarakat Turki yang terancam akibat sekularisme yang menular pada eranya (Amir Yusdi et al., 2020). Nursi berusaha keras dalam menyerlahkan bahawa kemukjizatan al-Qur'an sangat jelas dari pelbagai sudut. Antaranya adalah daripada sudut kesenian bahasa, praktikal dan kelimuan (Mahmoud Hassan, 2020). Selain itu, Nursi juga menggalakkan umat Islam untuk berfikir sebagaimana yang telah disarankan oleh beberapa ayat al-Qur'an, demi mengelakkan kejahilan dan kekufuran. Maka, kitab ini merupakan salah satu jihad Nursi dalam memperbaharui keimanan masyarakat Islam, sesuai pada zamannya mahupun pada zaman kini.

Metodologi Kitab

Pendekatan Nursi dalam penulisan *Isyārāt al-I'jāz* berteraskan kaedah ilmiah dan warisan klasik Islam, digabungkan dengan sentuhan ijtihad dan penekanan kepada susunan kata-kata (*Nazam*) dalam al-Qur'an. Metodologi beliau boleh diringkaskan dalam beberapa aspek penting berikut:

Pertama, sumber yang digunakan oleh beliau terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi pentafsiran ayat al-Qur'an dengan ayat lain yang berkaitan berlandaskan kaedah ilmu al-Qur'an dan tatabahasa Arab. Manakala sumber sekunder pula adalah daripada tafsir ulama terdahulu. Selain itu, Nursi juga menekankan ilmu *munāsabāt*, iaitu hubungan antara ayat-ayat, serta memperlihatkan bagaimana struktur dan kesinambungan ayat mampu menyampaikan makna yang mendalam. Ini sejajar dengan corak tafsir beliau yang bersifat *i'tiqādi*, iaitu menumpukan perbincangan terhadap asas keimanan seperti tauhid, kenabian, kebangkitan semula dan keadilan Ilahi (Ghinaurraihah et al., 2021). Justeru itu, mukjizat al-Qur'an dalam pandangan Nursi dibahagikan kepada tiga dimensi: (1) kesenian dari aspek gaya bahasa dan susunan kata yang unik, (2) praktikaliti berbentuk pengaplikasian terhadap kehidupan dan alam, dan (3) keilmuan yakni penekanan terhadap akal dan ilmu dalam memahami hakikat kehidupan dan ketuhanan (Mahmoud Hassan, 2020).

Kedua, Nursi memperkukuh penulisannya dengan penggunaan *Nazam*, iaitu teori susunan kata dan makna yang diperkenalkan oleh Abd al-Qahir al-Jurjani (Mahmudul Hasan, 2023). Namun, Nursi tidak hanya menjelaskan teori ini secara akademik, tetapi turut mengaplikasikannya ke atas ayat-ayat al-Qur'an. Dalam pentafsiran beliau, susunan makna gramatikal (*Nahū*) secara sistematik antara kata-kata menjadi teras kepada keindahan mukjizat al-Qur'an. Kaedah terlihat apabila Nursi menerangkan hubungan-hubungan ayat kepada tiga jenis peringkat: (1) kaitan ayat dengan yang sebelum dan selepasnya; (2) kaitan makna atau konteks sesama ayat; dan (3) hubungan antara keseluruhan ayat dan struktur al-Qur'an (Mahmudul Hasan, 2023). Seterusnya, ayat-ayat al-Qur'an dianalisis secara mendalam untuk mengungkap *Nazam* yang tersingkap agar kemukjizatan terzahir untuk dirasakan oleh pembaca.

Keseluruhannya, *Isyārāt al-I'jāz* bukan hanya sebuah tafsir, tetapi sebuah projek ilmiah dan spiritual yang mendalam, yang menggabungkan ketelitian ilmu, ketajaman bahasa dan kefahaman tauhid dalam satu bentuk yang sangat unik dan menyentuh jiwa. Ia bukan sahaja memberi kefahaman terhadap makna ayat, tetapi juga membentuk cara pandang terhadap al-Qur'an sebagai mukjizat abadi yang mendidik manusia dalam segala aspek kehidupan.

Tinjauan Kajian Lepas

Kajian Tentang *Wasatiyyat*

Kajian tentang konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan dalam Islam telah berkembang pesat dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, dengan pelbagai pendekatan dan fokus yang berbeza. Pada tahun 2024, Marwal dan Ilyas menerbitkan kajian tentang pemikiran Wasatiyyah Muhammad Mahfudh Tarmadzi dalam menangani isu takfirisme, yang menekankan prinsip keseimbangan, keadilan, dan toleransi. Pada tahun yang sama, Leniawati dan Haq, mengkaji aplikasi Wasatiyyah dalam menangani polarisasi identiti politik di Indonesia. Tahun sebelumnya (2023), Syahidin et al. meneliti konsep Wasatiyyah Yusuf al-Qardhawi sebagai alternatif untuk mencegah radikalisme dalam kalangan pelajar, sementara Nur et al. mengkaji peranan pesantren dalam menanamkan nilai-nilai kesederhanaan. Perkembangan ini

menunjukkan bahawa kajian Wasatiyyah semakin mendapat perhatian dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam konteks pendidikan dan politik.

Dari sudut tematik, kajian tentang Wasatiyyah boleh dibahagikan kepada beberapa tema utama. Pertama, tema teologi dan falsafah yang menekankan asas konseptual Wasatiyyah dalam al-Quran dan Sunnah, seperti kajian oleh Rahman & Aspandi (2023) tentang tafsiran “Ummatan Wasata” dalam Surah al-Baqara. Seterusnya, tema pendidikan yang meneliti peranan institusi pendidikan seperti pesantren dan madrasah dalam mempromosikan Wasatiyyah, seperti yang dilakukan oleh Muqowim et al. (2022) dan Nur et al. (2023). Kemudian, tema politik dan undang-undang yang mengkaji aplikasi Wasatiyyah dalam menangani isu-isu kontemporari seperti polarisasi politik dan takfirisme, seperti kajian oleh Leniawati dan Haq (2024) serta Marwal dan Ilyas (2024). Akhir sekali, tema perbandingan budaya yang menganalisis konsep kesederhanaan dalam pelbagai tradisi agama dan budaya, seperti kajian oleh Alkhazaleh et al. (2025) tentang perspektif Arab, Barat, dan China.

Tuntasnya, wacana Wasatiyyah yang didapati kurang mendapat perhatian adalah daripada pemikiran Nursi, seorang tokoh pembaharuan Islam abad ke-20. Hanya terdapat dua kajian yang berkaitan, iaitu oleh Farook (2019) dan (Osman, 2018), memberikan gambaran awal tentang sumbangannya dalam konteks Wasatiyyah. Farook (2019) meneliti pelaksanaan Wasatiyyah pada zaman Sahabat Nabi dengan merujuk kepada perspektif sejarah dalam Risalah an-Nur, manakala Osman (2018) membahas konsep toleransi dalam pemikiran Nursi sebagai salah satu tiang Wasatiyyah. Namun, kajian-kajian ini tidak menyentuh secara mendalam bagaimana pemikiran Nursi tentang Wasatiyyah dapat diaplikasikan dalam konteks semasa, terutamanya dalam menangani isu-isu kontemporari seperti radikalisme, polarisasi politik, dan pendidikan.

Kajian Tentang *Isyārāt al-I'jāz*

Kitab Isyarat al-I'jaz yang ditulis oleh Nursi menjadi subjek kajian akademik yang signifikan kebelakangan ini. Kajian-kajian terkini memfokuskan pada pelbagai dimensi karya tafsir ini, terutamanya dalam membongkar konsep I'jaz (kemukjizatan) Al-Quran, teori nazm (susunan) ayat al-Quran, serta pendekatan linguistik yang digunakannya. Kajian-kajian ini kebanyakannya bersifat deskriptif dan analitik, yang mencerminkan kekayaan dan kedalaman analisis Nursi yang masih relevan untuk dikupas pada masa kini.

Dalam konteks perbahasan ilmu I'jaz al-Quran, terdapat kajian yang menekankan bagaimana Nursi menggariskan pelbagai aspek kemukjizatan al-Quran tersebut. Mahmoud Hassan (2020) dalam artikelnya, menyimpulkan bahawa Nursi mengemukakan tiga aspek utama kemukjizatan Al-Quran. Artikel ini menghuraikan secara terperinci ketiga-tiga aspek tersebut dengan pendekatan analitik yang digunakan oleh Nursi untuk mendedahkan ciri-ciri mukjizat ini, dari sudut kesenian, keilmuan dan keaplikasian yang menjadikan Al-Quran unik dan tidak dapat ditiru.

Sementara itu, kajian oleh Ibn Sa'di Huriyah & Al-Akhdar (2020) menelusuri sumbangan Nursi dalam menjelaskan isu-isu linguistik yang sukar dengan menerapkan teori Abd al-Qahir al-Jurjani. Mereka menegaskan bahawa Nursi, melalui Isyarat al-I'jaz, berjaya mendedahkan kesempurnaan dan ketepatan bahasa Al-Quran yang sehingga hari ini terus memukau para ahli bahasa dan sasterawan yang paling fasih. Fokus kajian mereka adalah pada keajaiban retorik (*al-i'jaz al-balaghi*) sebagai teras kemukjizatan, di mana Nursi menunjukkan bagaimana pilihan kata dan makna disusun dengan cara yang tidak dapat ditandingi oleh manusia.

Manakala, ilmu Nazm al-Quran, atau teori susunan dan kesalinghubungan dalam teks al-Quran, juga merupakan tema dominan dalam kajian terkini terhadap Isyarat al-I'jaz. Mahmudul Hasan (2023) menggunakan kaedah deskriptif yang mendalam dalam kajiannya, menyatakan bahawa bagi Nursi, Nazm adalah aspek yang paling jelas untuk menunjukkan kemukjizatan Al-Quran. Kajian Hasan membandingkan teori Nursi dengan teori nazm yang diperkenalkan oleh Abd al-Qahir al-Jurjani. Kesimpulan utama Hasan ialah Nursi tidak mencipta teori nazm yang baru, tetapi kekuatan karyanya terletak pada aplikasi praktikal prinsip-prinsip al-Jurjani terhadap ayat-ayat Al-Quran terpilih. Nursi dengan terperinci menunjukkan bagaimana pilihan kata dan frasa tidak dapat diperbaiki lagi dalam menyampaikan objektif dan makna Al-Quran, sekaligus menerangkan sebab-sebab apparent repetition dalam teks suci tersebut.

Secara keseluruhan, kajian literatur terkini menggambarkan *Isyarat al-I'jaz* karya Nursi sebagai sebuah karya yang kekal relevan dan kaya dengan dimensi untuk dikaji. Pengkaji-pengkaji sebelum ini telah menunjukkan bahawa kekuatan utama Nursi ialah penulisannya yang kaya dengan pelbagai cabang ilmu, seperti ilmu I'jaz al-Quran, Nazm ayat al-Quran dan cabang ilmu linguistik. Namun begitu, berdasarkan sorotan kajian-kajian literatur yang telah dibuat, terdapat banyak kelompongan kajian yang masih kurang diterokai, terutamanya dalam bab *Wasatiyyat* yang menjadi fokus dalam perbahasan ini.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kaedah analisis kandungan dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan kaedah yang sistematik untuk menganalisis teks secara kualitatif, khususnya dalam meneliti konsep *Wasatiyyat* menurut ilmu Islam secara tradisionalnya dan juga menurut Risalah an-Nur karya Nursi dengan mendalam. Pendekatan ini membolehkan peneliti mengkategorikan tema, mengesan pola, dan memahami konteks pemikiran Nursi secara holistik Krippendorff (2019). Selain itu, analisis kandungan sesuai untuk kajian teks keagamaan kerana ia menekankan ketelitian dalam interpretasi makna, bukan sekadar kuantiti data Neuendorf (2017). Metode ini juga digunakan secara meluas dalam kajian berkenaan pengajian Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadis, menjadikannya relevan untuk menganalisis karya berbasis Islam seperti Risalah an-Nur.

Pengumpulan Data

Sejurus itu, dalam memperoleh data untuk perbahasan ini, pengkaji mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kata kunci perbahasan iaitu *Wasatiyyat*, *Isyarat al-I'jaz* dan Risalah an-Nur. Data berkenaan definisi konsep *Wasatiyyat* akan dikumpul daripada perbahasan Nursi dan juga sarjana yang lain seperti Ibn Manzur, al-Qurtubi, dan al-Qaradhawi. Justeru itu, data akan dikumpulkan mengikut kategori sumber primer dan juga sekunder. Antara sumber primer bagi kajian ini ialah Risalah an-Nur, teks al-Quran dan hadith. Manakala, sumber sekunder adalah daripada penulisan kesarjanaan seperti tesis dan artikel yang berkaitan dengan kajian. Demikian juga, fokus perbahasan akan tertumpu pada sebuah karya yang terdapat dalam Risalah an-Nur iaitu *Isyarat al-I'jaz*, bertumpukan pada tafsiran Nursi terhadap ayat ke-6 surah al-Fātiḥat yang akan dijadikan sampel utama dalam menjawab objektif kajian.

Analisis Data

Apabila semua maklumat telah diperoleh, perbahasan konsep *Wasatiyyat* menurut Nursi dan sarjana-sarjana lain akan dianalisis secara keseluruhan. Kaedah analisis yang digunakan bagi kajian ini ialah kaedah analisis kandungan. Menurut Sabitha Marican (2005), analisis

kandungan sangat sesuai diaplikasikan bagi kajian yang memerlukan penelitian mesej, isu dan tema. Oleh yang demikian, definisi *Wasatiyyat* yang dijelaskan oleh Nursi akan diperinci keselariannya dengan definisi yang dibawa oleh sarjana yang lain bagi memperoleh penjelasan dan kefahaman.

Dapatan Kajian

Konsep Wasatiyyat

Wasatiyyat dari segi bahasa adalah berasal daripada perkataan ‘*wasata*’ yang bermaksud pertengahan, adil dan keseimbangan (Ibn al-Athir, 1979; al-Qurtubi, 1964; Qardhawi, 2009). Ibn Faris (1969) memberi pencerahan dalam menentukan sesuatu yang adil itu adalah sesuatu yang berada di pertengahan. Kalimah ‘*wasata*’ menurut Ibn Manzur (1414H) diperincikan dengan maksud berada di antara (ditengah-tengah) dua kedudukan. Ini dapat dijelaskan oleh takrifan Ibn al-Athir (1979) pula bahawa ‘*wasata*’ memberi makna “*setiap tindakan yang terpuji adalah di pertengahan antara dua perkara yang keji*”. Dari sudut bahasa, jelas kelihatan bahawa ‘*wasata*’ memberi makna keadilan yang bersifat pertengahan, bebas daripada cenderung ke arah mana-mana pihak.

Konsep *Wasatiyyat* ini dapat diperhatikan dalam al-Qur’an. Terdapat pelbagai ayat yang mencerminkan konsep ini. Namun, satu ayat yang jelas menzahirkan *Wasatiyyat* adalah daripada firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarat ayat ke-143:

﴿وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ﴾

Bermaksud: “*Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang adil dan pilihan, supaya kamu menjadi saksi kepada manusia*”.

Berdasarkan ulama Tafsir, ayat 143 surah al-Baqarat ini telah menonjolkan makna *Wasatiyyat* daripada pemilihan kata ‘*ummatan wasatan*’ yang bermakna umat yang adil dan pilihan. Menurut tafsiran Ibn Kathir (1999), ayat ini menjelaskan bahawa umat Islam terpilih kerana umat yang paling berkualiti. Sebagaimana Rasulullah merupakan insan terpilih yang berasal daripada kaum Arab yang paling berkualiti iaitu kaum Quraisy. Dapat disimpulkan bahawa kesepakatan dalam pentafsiran terlihat apabila al-Tabari (2001), al-Qurtubi (1964) dan al-Zamakhshari (1987) mentafsirkan bahawa ‘*ummatan wasatan*’ bermakna umat yang adil, yang membawa maksud umat yang terbaik dan terpilih kerana keadilan mereka dalam menjalani kehidupan beragama, tidak seperti orang-orang Yahudi dan Nasrani.

Pandangan daripada tokoh Islam kontemporari berkenaan *Wasatiyyat* juga diambil kira untuk menjelaskan definisi ini dengan pendekatan yang lebih difahami. Menurut Yusuf al-Qaradawi (2009), makna *Wasatiyyat* ialah keadilan yang berada di pertengahan antara dua perkara yang berlawanan seperti di antara wahyu dan akal, ukhrawi dan duniawi, ketuhanan dan keinsanan. Lagi menurut beliau, *Wasatiyyat* terdiri dengan keadilan yang bebas daripada terpengaruh kepada sesuatu pihak, tidak juga berlebihan dan tidak terlalu kurang dalam pelaksanaannya. Pandangan ini juga selari dengan HAMKA (1988), jika seseorang manusia mengamalkan *Wasatiyyat* dalam hidupnya, maka secara tidak langsung telah melaksanakan tuntutan agama terhadapnya. Menjauhkan diri daripada sikap yang keji dapat memelihara sifat kesederhanaan diri daripada merosakkan keseimbangan hidup, justeru menjaga hubungan manusia dengan Allah dan sesama manusia.

Wasatiyyat Menurut Nursi dalam Isyārāt al-I'jāz

Sebagaimana para sarjana terdahulu telah mendefinisikan *Wasatiyyat*, begitu juga Nursi mentafsirkan *Wasatiyyat* melalui ayat yang berbeza iaitu ayat ke-6 Surah al-Fātiha. Menurut Nursi, *Wasatiyyat* dapat dikesan melalui firman Allah SWT:

﴿اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ﴾

Bermaksud: “*Tunjukilah kami jalan yang lurus*”

Fokus perbincangan tertumpu pada ayat “jalan yang lurus”. Ayat ini ditafsirkan oleh Nursi dengan maksud jalan keadilan yang meringkaskan sifat kebijaksanaan (*ḥikmat*), kesucian akhlak (*‘iffat*), dan keberanian (*syajā’at*) (Said Nursi, 2002). Ketiga-tiga sifat tersebut merupakan jalan *Wasatiyyat* yang diaplikasikan melalui tiga kekuatan yang terdapat dalam diri manusia (Said Nursi, 2002). Justeru, pentafsiran Nursi adalah selari dengan pentafsiran ulama silam bahawa *Wasatiyyat* bermakna adil daripada cenderung kepada sifat terlampau berlebihan atau berkekurangan dalam sesuatu perkara.

Dalam memahami makna *ḥikmat*, *‘iffat* dan *syajā’at*, Nursi menerangkan terlebih dahulu tentang tiga kekuatan utama yang berkait rapat dengan sifat-sifat tersebut. Allah SWT telah menempatkan tiga kekuatan dalam diri manusia agar kehidupan dapat terus dilanjutkan. Antara kekuatannya ialah; pertama: kekuatan syahwat (*quwwat syahwiyyat*) iaitu kekuatan kehaiwanan untuk manusia sentiasa menarik manfaat yang untuk diri mereka; kedua: kekuatan emosi (*quwwat ghadabiyyat*) iaitu kekuatan buas dan liar demi menjauhkan diri mereka daripada hal yang berbahaya dan merosakkan; dan ketiga: kekuatan intelek (*quwwat ‘aqliyyat*) iaitu kekuatan yang mampu untuk membezakan antara kebaikan yang bermanfaat dan keburukan yang memudaratkan (Said Nursi, 2002).

Demikian daripada kekuatan-kekuatan ini, terdapat keburukan jika terlampau berlebihan atau berkekurangan dalam mengendalikannya. Sifat melampau terhasil daripada ketidakadilan yang akan menyebabkan kelemahan kepada individu itu sendiri. Fanatik dan taksub terhadap sesuatu pendekatan melampaui batas mengikis kefahaman dan amalan agama. Kecenderungan ini menyimpang daripada ajaran Islam yang adil dan sederhana (Mujani et al., 2015). Sesungguhnya, sifat melampaui batas sangatlah dilarang dalam Islam sepertimana firman Allah SWT:

﴿وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Bermaksud: “*Jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas*”.

(al-An‘am, 6:14)

Nursi berkata bahawa Allah SWT tidak menetapkan batasan semula jadi terhadap kekuatan-kekuatan itu sebagaimana yang ditetapkan-Nya kepada makhluk haiwan. Kekuatan insani ini bersifat tidak terbatas secara fitrah. Namun, Islam meletakkan garis panduan melalui hukum syariah untuk mengawal kekuatan tersebut. *Wasatiyyat* menjadi jalan tengah daripada berlakunya perbuatan keterlaluan (*ifrāt*) dan hidup berkekurangan (*tafrīt*) yang sangat dilarang dalam Islam. Menurut al-Qaradhawi, *Wasatiyyat* merupakan cara paling universal dalam menjalani kehidupan kerana ia bercirikan fleksibiliti tetapi juga tetap atas jalan syariat Islam (*thabat wal-murūnah*) (Nidhom, 2021).

Oleh itu, pengaplikasiannya ditunjukkan oleh Nursi berkenaan bagaimana *Wasatiyyat* dapat diterapkan melalui ketiga-tiga kekuatan ini. Menurut Nursi, setiap satu kekuatan itu mempunyai pula tiga tingkat; (1) tingkat kekurangan (*tafrīt*); (2) tingkat berlebihan (*ifrāt*); dan (3) tingkat pertengahan dan adil (*Wasatiyyat*) (Said Nursi, 2002). Maka setiap satu kekuatan iaitu kekuatan syahwat, emosi dan intelek akan diperbahaskan agar kesan penggunaan *Wasatiyyat* nampak jelas untuk difahami dan diamalkan.

Kekuatan Syahwat (*Quwwat Syahwiyyat*)

Kekuatan syahwat merupakan salah satu fitrah manusia yang memerlukan kawalan dan pengurusan bijaksana. Kekurangan dalam mengawal syahwat akan menyebabkan seseorang menjadi pasif, hilang motivasi, dan tidak mempunyai dorongan untuk mencapai kecemerlangan hidup. Sebaliknya, berlebihan dalam mengikut tuntutan syahwat akan menjerumuskan individu ke kancah pembaziran, ketamakan, serta keinginan yang melampau tanpa mempedulikan hukum halal dan haram (Said Nursi, 2002).

Islam menawarkan jalan tengah yang sempurna melalui konsep '*iffat*' atau sifat memelihara diri. Menurut Nursi, seseorang yang memiliki '*iffat*' akan sentiasa berusaha memenuhi keinginannya hanya melalui cara yang halal, sambil tegas menjauhi segala yang diharamkan oleh syarak (Said Nursi, 2002). Prinsip keseimbangan ini bukan sahaja terpakai dalam aspek hubungan kelamin, tetapi meliputi seluruh ruang kehidupan seorang muslim seperti pemakanan dan pemakaian. Hal ini kerana ganjaran yang besar dijamin pada sesiapa yang memiliki '*iffat*' dalam diri, ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

((مَنْ يَضْمَنْ لِي مَا بَيْنَ حُجَّتِهِ وَمَا بَيْنَ رِجْلَيْهِ أَضْمَنْ لَهُ الْجَنَّةَ))

Bermaksud: “Barangsiapa dapat menjamin bagiku sesuatu yang berada di antara mulutnya dan di antara kedua kakinya (kemaluan), maka aku akan menjamin baginya syurga”.

(Riwayat al-Bukhāriy, No. Hadith: 6109)

Lafaz '*menjamin*' yang pertama dalam hadis di atas merujuk kepada makna melaksanakan kewajiban dengan meninggalkan maksiat dan menunaikan hak yang wajib ke atasnya (Ibn Hajar, 1431H). Contohnya, menunaikan hak pada lisan dengan dengan mengucapkan apa yang wajib diucapkan seperti zikir dan berkata benar. Juga diam dalam perkara yang tidak bermanfaat. Tuntasnya, berikut merupakan contoh pengamalan sifat '*iffat*' yang adil dan tidak melampau kepada mana-mana sifat yang negatif. Kawalan terhadap kekuatan syahwat merupakan ujian yang besar terhadap manusia, dan barangsiapa yang mampu menghadapinya dengan '*iffat*' maka Allah SWT akan memberikan ganjaran yang sangat besar baginya.

Kekuatan Emosi Marah (*Quwwat Ghadabiyyat*)

Kemarahan merupakan salah satu mekanisme pertahanan diri yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Dalam khazanah intelektual Islam, Nursi memaparkan tafsiran mendalam tentang emosi. Beliau menyarankan bahawa emosi adalah pancaran rahmat Ilahi, bukan semata-mata denyut nafsu. Justeru, pengendalian emosi yang tuntas iaitu dengan mengembalikannya kepada tujuan asal penciptaan merupakan rahsia mencapai ketenteraman dalaman (Yucel, 2024). Apabila dimanfaatkan secara tepat, ia berfungsi sebagai pendorong untuk mempertahankan kebenaran dan keadilan. Namun, ketidakseimbangan dalam menguruskan emosi ini boleh membawa kesan buruk yang ketara.

Kekurangan dalam mengawal emosi marah akan menjerumuskan individu ke lembah kehinaan, di mana seseorang menjadi pengecut dan hilang semangat untuk mempertahankan hak dan kebenaran (Said Nursi, 2002). Sikap ini bukan sahaja merugikan diri sendiri tetapi turut melemahkan kesatuan ummah. Pengecut dalam konteks pertahanan negara merupakan satu bentuk pengkhianatan pasif, di mana ketakutan yang tidak terkawal mengatasi kewajipan untuk bertindak. Implikasinya, satu kesalahan taktikal akibat sikap ini boleh mencetuskan kegagalan berantai, meruntuhkan formasi tempur dan membahayakan nyawa seluruh unit (Coulston, 2013). Sebaliknya pula, kemarahan yang melampau tanpa kawalan akal dan syariat akan mengheret seseorang ke kancah kezaliman, di mana tindakan ganas dan sikap diktator mula mengambil alih pertimbangan yang waras (Said Nursi, 2002). Tambahan pula, akibat kemarahan yang berlebihan ini, muncul kumpulan-kumpulan pentaksib fahaman ekstremis yang mensyirikkan, mengkafirkan dan menghalalkan darah orang yang tidak bersefahaman dengannya.

Penjelasan Nursi menetapkan garis panduan yang jelas dalam menguruskan emosi marah. Sifat *syajā'at* atau keberanian yang sebenar mengajar untuk marah pada tempatnya dan bersabar ketika diperlukan. Keberanian yang berunsurkan *syajā'at* mampu menzahirkan kerelaan dalam mengorbankan diri demi mempertahankan ajaran Islam dan meninggikan kalimah tauhid (Said Nursi, 2002). Inilah intipati kematangan emosi yang sebenar iaitu mempunyai kemampuan untuk bertindak dengan penuh adil mengikut tuntutan syarak tanpa melampaui batas. Sesungguhnya Islam hadir bertujuan untuk membahagiakan dan memperbaiki manusia, bukan untuk menindas (MS, 2017). Islam tidak hanya mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhan, tetapi juga mengatur hubungan antara sesama manusia, serta hubungan antara manusia dan alam. Dalam interaksi antara manusia, diperlukan keseimbangan emosi yang jernih dalam berperilaku dan bertindak agar tercipta saling pengertian dan pemahaman. Hal ini pada akhirnya akan menciptakan suasana harmoni dan memungkinkan penyelesaian berbagai masalah.

Kekuatan Intelek (*Quwwat 'Aqliyyat*)

Akal merupakan nikmat Allah yang membezakan manusia dengan makhluk lain, dan menggunakan akal dengan berfikir sering kali ditekankan dalam al-Quran. Juga menurut Nursi, alam semesta mengandungi hikmah dan perlu bertafakkur untuk memahaminya (Sempo & Khosim, 2020). Firman Allah SWT:

﴿وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٌ بِأَمْرِي إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾

Bermaksud: “Dan ia memudahkan bagi kamu malam dan siang, dan matahari serta bulan; dan bintang-bintang dimudahkan dengan perintahNya untuk keperluan-keperluan kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kebijaksanaan Allah) bagi kaum yang mahu memahaminya”.

(al-Nahl, 16:12)

Utamanya, kekuatan akal dianugerahkan oleh manusia untuk mengenal tuhan melalui setiap ciptaan-Nya. Namun penggunaannya memerlukan keseimbangan. Kekurangan dalam menggunakan akal akan menjerumuskan individu ke lembah kejahilan dan kebodohan, di mana seseorang mudah terpedaya dan tidak mampu membezakan antara hak dengan batil (Said Nursi, 2002). Sebaliknya, kelebihan dalam menggunakan akal pula boleh membawa kepada helah dan

tipu daya, serta terlalu menumpukan perhatian terhadap perkara yang tidak layak untuk diperincikan (Said Nursi, 2002).


Oleh yang demikian, kebijaksanaan (*hikmat*) melalui jalan *Wasatiyyat* antara dua jalan di atas, merupakan penggunaan akal yang terbaik kerana ia yang menggabungkan potensi akal dengan panduan wahyu (Said Nursi, 2002). Seorang yang ber*hikmat* akan menggunakan akalnya untuk merenung ciptaan Allah, tetapi tetap merendahkan diri di hadapan kebesaran-Nya. Dia berfikir secara kritis namun tidak menafikan perkara ghaib yang ditetapkan dalam al-Quran dan Sunnah. Kurniaan nikmat bagi sesiapa yang menggunakan *hikmat* telah dinyatakan dalam al-Quran. Jalan *hikmat* secara terang sangat dituntut dan diberikan kebaikan yang banyak kepada sesiapa yang mengamalkannya. Ini dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا﴾


Bermaksud: “Dan barangsiapa yang dianugerahi *hikmat*, ia benar-benar telah dianugerahi karunia yang banyak”.

(al-Baqarat, 2:269)

Hikmat dalam ayat di atas mempunyai pelbagai tafsiran dalam kalangan ahli tafsir, akan tetapi makna *hikmat* yang paling dekat dengan konteks ini merujuk kepada kefahaman terhadap ilmu (ar-Razi, 1420H). Seseorang yang memahami dan melazimi ilmu yang berlandas al-Quran dan as-Sunnah akan sentiasa mendapat kebaikan yang banyak daripada Allah. Sesungguhnya, Allah memberikan *hikmat* kepada mereka yang sentiasa *tafakkur* (berfikir) dan *tadhakkur* (berzikir), keduanya membawa kepada ilmu dalam mencapai hakikat iman dan ihsan (Ibn Qayyim, t.t.). Kesimpulannya, pertimbangan yang baik dalam menggunakan kekuatan intelek (*hikmat*) akan mencapai seseorang ke arah kecemerlangan intelektual, justeru menjauhkannya daripada sifat kebodohan dan ketaksuban.



Rajah 1: Tafsiran Ayat “Jalan yang Lurus” Menurut Nursi Dalam *Isyārāt al-I’jāz*



Rajah 2: Konsep *Wasatiyyat* Menurut Nursi Dalam *Isyārāt al-I'jāz*

Perbincangan

Berdasarkan dapatan yang dikemukakan, dapat dianalisis bahawa konsep *Wasatiyyat* yang dikemukakan oleh Nursi dalam *Isyārāt al-I'jāz* pada dasarnya sangat selari dan selaras dengan definisi serta kerangka pemikiran para sarjana Islam silam dan kontemporari. Namun, Nursi memberikan penekanan, pendekatan sistematik, dan kerangka aplikasi yang terperinci dan psikologis-spiritual, dengan menjadikan konsep tersebut sebagai prinsip dalam diri manusia. Titik keselarasan yang utama didapati pada:

Definisi Dasar: Keadilan dan Pertengahan. Baik sarjana klasik (seperti Ibn Athir, al-Tabari, al-Qurtubi), kontemporari (seperti al-Qaradhawi, HAMKA), mahupun Nursi sepakat bahawa *Wasatiyyat* bermaksud pertengahan yang adil, bebas daripada kecenderungan melampau (*ifrat*) atau cuai (*tafrit*).

Sumber Rujukan: Berpaksikan sumber wahyu al-Quran. Semua pihak merujuk kepada al-Quran sebagai sumber utama dan autoriti. Perbezaannya hanyalah pada ayat tumpuan:

Sarjana Lain: Kebanyakannya berfokus pada Surah al-Baqaraṭ ayat ke-143 (*ummatan wasatan*) untuk menekankan identiti kolektif umat Islam yang adil dan terpilih.

Nursi: Berfokus pada Surah al-Fātiḥaṭ ayat ke-6 (*ihdinas siratal mustaqim*) untuk menekankan permohonan individu kepada Allah bagi mendapatkan petunjuk ke jalan lurus yang bersifat pertengahan. Ini menunjukkan pendekatan Nursi yang lebih kepada amalan diri dan transformasi dalaman.

Penolakan Terhadap Sikap Melampau: Semua sarjana menolak sifat melampau dan menekankan aspek keseimbangan. Sepertimana, al-Qaradhawi menekankan keseimbangan antara wahyu-akal dan dunia-akhirat, manakala Nursi memperincikan bahaya melampau pada tiga kekuatan dalaman manusia.

Jadual 1: Perbincangan Keselarian Definisi Antara Nursi Dan Sarjana Islam

Bil	Aspek Perbandingan	Sarjana Islam (Silam dan Kontemporari	Nursi (<i>Isyārāt al-I'jāz</i>)	Analisis Keselarian
1	Definisi	Pertengahan, adil, seimbang, terpilih, terbaik.	Pertengahan yang adil, jalan lurus yang menghindari sifat berlebihan dan kekurangan.	Selari
2	Sumber	Al-Quran (Surah al-Baqarat ayat ke-143).	Al-Quran (Surah al-Fātiha ayat ke-6).	Selari
3	Aplikasi	Menghindari ekstremisme membentuk masyarakat harmoni.	Pengurusan emosi, rohani dan jasmani mencapai kesempurnaan akhlak individu.	Selari

Kesimpulan

Perbincangan mengenai *Wasatiyyat* dalam *Isyārāt al-I'jāz* oleh Nursi menegaskan bahawa Islam adalah agama pertengahan yang menolak ketidakadilan daripada cenderung ke arah sifat-sifat yang melampau sama ada ketaksuban yang berlebihan dan kelalaian yang berkekurangan. Dengan itu, Nursi menghubungkan konsep ini dengan tiga kekuatan utama manusia iaitu kekuatan syahwat (*quwwat shahwiyyat*), kekuatan emosi marah (*quwwat ghadabiyyat*), dan kekuatan intelektual (*quwwat 'aqliyyat*) yang perlu dikawal dengan prinsip pemeliharaan diri (*'iffat*), keberanian yang sebenar (*syajā'at*), dan kebijaksanaan (*hikmat*). Bertumpukan kepada tafsiran jalan yang lurus (*ṣirāt al-mustaqīm*) dalam ayat ke-6 surah al-Fātiha, pentafsiran ayat yang membawa kearah pendefinisian konsep keadilan yang mengandungi tiga nilai yang telah disebutkan. Kesannya, *'iffat* dapat mengimbangi syahwat agar tidak jatuh ke dalam kefasikan mahupun kekurangan motivasi. *Syajā'at* pula mengawal emosi marah supaya tidak menjadi pengecut atau zalim. Manakala, *hikmat* membimbing akal untuk berfikir secara seimbang antara wahyu dan logik, mengelakkan kejumudan atau rasionalisme melampau. Tuntasnya, Nursi menekankan bahawa *Wasatiyyat* adalah jalan lurus (*al-ṣirāt al-mustaqīm*) yang memandu manusia kepada keadilan Ilahi. Konsep ini bukan sekadar teori, tetapi panduan praktikal dalam menghadapi cabaran moden tanpa terjerumus ke dalam apa jua pemahaman negatif seperti sekularisme, ekstermisme dan fanatisme. Justeru, mesej teras perbincangan ini ialah Islam menggalakkan keadilan, pertengahan dan keseimbangan dalam semua aspek kehidupan, dan *Wasatiyyat* merupakan solusi terbaik bagi umat Islam dalam menangani polarisasi pemikiran pada zaman mutakhir ini dengan mengaplikasikan konsep yang diperjelaskan oleh Nursi.

Penghargaan

1. Penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai: Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti kerana menyediakan platform dan prasarana yang kondusif bagi melengkapkan kajian ini. Segala sokongan dan bantuan daripada pihak fakulti dan universiti juga menggalakkan penghasilan kajian ini.
2. Penghargaan kepada Hayrat Foundation: Kami juga ingin menyatakan penghargaan yang tidak terhingga kepada Hayrat Foundation yang membantu kami dalam mengkaji, memantau dan memeriksa kajian ini sehingga ke penghujungnya. Sumbangan pihak Hayrat Foundation dalam memberikan pencerahan berkenaan Risalah an-Nur memberikan impak yang besar pada kajian ini.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

- Addakhil, A., & Buana, C. (2023). الدلالة الاجتماعية في كلمات (فرقة وطائفة وقوم) في كتاب إشارات الإعجاز في مظان الإيجاز لبديع الزمان سعيد النورسي. *LITERATURA: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 2(2), 157–168.
- Akhmetova, E., Binti, A., & Rahim, A. (2019). Moderation , Negative Nationalism and Extremism from the Viewpoint of the Risale-i Nur. *The Journal of Risale-i Nur Studies*, 2(2), 1–17.
- Alkhazaleh, M. S., Qiqieh, S., & Abdelhadi, S. (2025). Cultural Analysis of the Concepts of Moderation, Tolerance, and Social Peace in Central Texts across Arab, Western, and Chinese Cultures. *Studies in Media and Communication*, 13(3), 136–147. <https://doi.org/10.11114/smc.v13i3.7513>
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). Jami' al-Bayan an Ta'wil Ai al-Quran. *Dar Hijr: Mesir*.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). Jami' li-Ahkam al-Quran. *Dar al-Kutub al-Misriah: Kaherah*.
- Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar. (1987). Al-Kasyaf an Haqaiq Ghawamidh al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta'wil. *Dar al-Rayyan: Kaherah & Dar al-Kitab al-'Arabi: Beirut*.
- Amir Yusdi, H. A., Yuslan, S. N., Abdul Jalil, M. N., & Bin Mamat, I. (2020). A Comparative Study Between Risale-i Nur And Tafsir al-Azhar's Methodology in Quranic Exegesis and Its Relation to the Da'wah Strategy in Turkey and the Malay-Indonesian World (Kajian Perbandingan Mengenai Kaedah Pentafsiran Al-Qur'an di antara Risale-i N. *Journal of Islam in Asia (E-ISSN 2289-8077)*. <https://doi.org/10.31436/jia.v17i4.922>
- Ar-Razi, Muhammad bin 'Umar. (1420H). Mafatih al-Ghaib=Tafsir al-Kabir. *Dar Ihya' al-Turath lil Arabi: Beirut*.
- Badiuzzaman dan Dakwah Risalah an-Nur. t.t. Risalah Online: Terjemahan Melayu. Diakses 29 Jun 2025.
- Badiuzzaman, Said Nursi (2002). Isyaratul I'jaz fi Mazan al-Ijaz. *Syurkat Sozler lil Nasyr: Kaherah*.
- Bukhari, Muhammad bin Ismail (1993). Sahih Bukhari. *Dar Ibn Kathir-Dar al-Yamamah: Dimasyq*.
- Chaerunnisa, M., Laa, I.-N., & Roiba. (2024). Moderasi Beragama : Perspektif Al-Qur'an dan Hadis. *Reslaj: Religion Education Social Laa Roiba Journal*. <https://doi.org/10.47467/reslaj.v6i5.1171>
- Coulston, J. (2013). Courage and cowardice in the Roman imperial army. *War in History*. <https://doi.org/10.1177/0968344512454518>
- Farook, M. H. (2019). Wasatiyya in the Life of the " Sahaba ". *The Journal of Risale-i Nur Studies*, 2(1), 1–13.
- Ghinaurrahal, Zulaiha, E., & Yunus, B. M. (2021). Metode, Sumber dan Corak Tafsir Pada Penulisan Kitab Tafsir Isyaratul I'jaz Karya Said Nursi. *Jurnal Iman Dan Spiritualitas*, 1(4), 490–496. <https://doi.org/10.15575/jis.v1i4.13814>
- HAMKA, Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (1988). Tafsir al-Azhar. *Pustaka Nasional PTE. LTD: Singapura*.
- Ibn Athir, al-Mubarak bin Muhammad. (1979) Al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar. *Matabah al-Ilmiah: Beirut*.
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris. (1969-1972). Mu'jam Maqayis al-Lughat. *Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halbi*.
- Ibn Hajar a-'Asqalani. Ahmad bin Ali (1431H). Fath al-Bari bi Syarh al-Bukhari. *Maktabah al-Salafiah, Mesir*.
- Ibn Kathir, Ismail bin 'Umar. (1999). Tafsir al-Qur'an al- 'Azim. *Dar al-Taibah: Riyadh*.

- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1414H). Lisan al-Arab. *Dar Sadr:Beirut*.
- Ibn Qayyim al-Jauziah, Muhammad bin Abi Bakr. (t.t). Tafsir Ibn Qayyim. | تفسير ابن القيم | 2:269
- Ibn Sa'di Huriah, & Al-Akhdar, S. (2020). Rhetorical miracles in the Holy Quran Book of references to miracles in the manifestations of brevity Nawrasi model. *Djoussour El-Maaréfa*, 6(2), 633–648.
- Khamami, A. R. (2023). Nurcu: Gerakan Islam Kultural Turki. *Kontemplasi : Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 11(01), 1–23.
- Khosim, N., & Hanapi, M. S. (2021). Aspek-Aspek Pembangunan Insan : Analisis Ketokohan Badiuzzaman Said Nursi Aspects Of Human Development : An Analysis Of Badiuzzaman Said Nursi ' s Character. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 134–146.
- Krippendorff, K. (2019). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (Fourth Edition). SAGE Publications, Inc. <https://doi.org/10.4135/9781071878781>
- Leniawati, I., & Haq, M. Z. (2024). The Implementation of Islamic Moderation Principles in Addressing the Challenges of Political Identity Polarization. *Integritas Terbuka: Peace and Interfaith Studies*, 3(2), 151–164. <https://doi.org/https://doi.org/10.59029/int.v3i2.42>
- Mahmoud Hassan. (2020). The Imam Nursi Theory of Miraculous Qur'an. *The Journal of Risale-i Nur Studies*, 3(1), 53–60. <https://thejrns.org/index.php/thejrns/article/view/32>
- Mahmudul Hasan. (2023). Arrangement of the Qur'an According to Imam Bediuzzaman Said Nursi in the Book Indicators of Miraculousness in Patterns of Conciseness: A Descriptive and Analytical Study. *The Journal of Risale-i Nur Studies*, 6(1), 57–84. <https://doi.org/10.5281/zenodo.7581600>
- Marwal, M. I., & Ilyas, M. F. (2024). Analysis of Wasatiyyah Thoughts of Muhammad Mahfudh Tarmadzi's on Takfirism in His Is'af Al Mathali' Muhammad. *Jurnal Ushuluddin*, 32(2), 152–166. <https://doi.org/10.24014/Jush.v32i2.31899>
- MS, A. (2017). MEMBAHAGIAKAN SESAMA MANUSIA; Perspektif Psikologi. *TOLERANSI: Media Ilmiah Komunikasi Umat Beragama*, 9, 23. <https://doi.org/10.24014/trs.v9i1.4321>
- Mujani, W. K., Rozali, E. A., & Zakaria, N. J. (2015). The wasatiyyah (moderation) concept: Its implementation in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(4S2), 66–72. <https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n4s2p66>
- Muqowim, Sibawaihi, & Alsulami, N. D. (2022). Developing Religious Moderation in Indonesian Islamic Schools Through the Implementation of the Values of Islām Wasatiyyah. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 19(2), 207–222. <https://doi.org/10.14421/jpai.2022.192-03>
- Nabil amir, A., & Rahman, T. A. (2023). Telaah Kitab Rasail Al-Nur Oleh Said Nursi. *Jazirah: Jurnal Peradaban Dan Kebudayaan*, 4(2), 119–130. <https://doi.org/10.51190/jazirah.v4i2.119>
- Neuendorf, K. A. (2017). *The Content Analysis Guidebook* (Second). SAGE Publications, Inc. <https://doi.org/10.4135/9781071802878>
- Nidhom, K. (2021). Pandangan Al-Qur'an Dan As-Sunnah Tentang Wasatiyyah (Moderasi) Serta Implementasinya Terhadap Hukum Islam. *AT-TAISIR: Journal of Indonesian Tafsir Studies*, 2(2), 67–86. <https://doi.org/10.51875/attaisir.v2i2.90>
- Nur, I., Fithriy, H. N., Munardji, & Puspitasari, R. D. (2023). Internalizing Islamic Moderation Through Education in Pesantrens. *Journal of Research in Social Science and Humanities*, 2(7), 24–38. <https://doi.org/10.56397/jrssh.2023.07.04>
- Osman, R. A. H. (2018). Imam Bediüzzaman Said Nursi's Concept of Tolerance as A Pillar of Wasatiyyah (Moderation) And Unity. *The Journal of Risale-i Nur Studies*, 1(1), 17–32.
- Rahman, H. A., & Aspandi. (2023). Konsep Islam Wasathiyah dalam Al-Qur'an; Analisis

- Munasabah Q.S Al-Baqarah ayat 143. *SAINTIFIKA ISLAMICA: Jurnal Kajian Keislaman*, 10(1), 84–104. <https://doi.org/10.32678/saintifikaislamica.v10i1.8555>
- Sabitha Marican. (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Prentice Hall/Pearson Malaysia. <https://books.google.com.my/books?id=LbNDNwAACAAJ>
- Sempo, M. W., & Khosim, N. (2020). Said nursi's thoughts on environmental sustainability in risale-i nur. *Afkar, Special Issue 2*, 107–132. <https://doi.org/10.22452/afkar.sp2020no2.4>
- Siregar, P., Nurihsan, J., Yusuf, S., & Budiman, N. (2024). IMAM AL-GHAZALI ' S CONCEPT OF RELIGIOUS COUNSELING IN FORMING MODERATE ATTITUDES. *MADANIA*, 28(1), 103–112.
- Syahidin, Parhan, M., & Islahuddin. (2023). Islam and Terrorism : The Principle of Wasatiyyah Yusuf al-Qardhawi to Avert Incidents of Student Terrorism Introduction According to Muslim historian Raghieb As-Sirjani , the decline of Muslims was caused by several factors , internal and external . 1. *Karsa: Journal of Social and Islamic Culture*, 31(2), 375–394. <https://doi.org/10.19105/karsa.v31i2.10474>
- Yucel, S. (2024). Purpose-Driven Life in Islam and Emotional Stability: Examining Said Nursi's Perspective. *Australian Journal of Islamic Studies*, 9(2), 19–36. <https://doi.org/10.55831/ajis.v9i2.649>
- Yusuf al-Qaradhawi. (2009). *Fiqh al-Wasatiyyat* al-Islamiah wa al-Tajdid.